

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH :

DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]

SOALAN :-

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah kes tuntutan yang telah diterima oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah sepanjang tahun ini dan berapakah dari jumlah kes tersebut yang telah dapat diselesaikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2016 sebanyak 1,461 kes didaftarkan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,279 kes (87.5%) telah berjaya diselesaikan.